

- Arahan :**
1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil.
  2. Murid dikehendaki membina diorama rumah kejiranan mengikut kreativiti kumpulan masing-masing.
  3. Guru akan menyediakan bahan dan peralatan iaitu kad kraf, gunting, hiasan, pensel, pembaris, pita pelekat dan pen penanda.
  4. Murid akan membuat ukuran rumah yang akan dibina. Kemudian potong, cantum dan bina rumah dalam kumpulan masing-masing.
  5. Setiap rumah akan diberi nama berdasarkan nama jiran. Kemudian tulis masalah yang sering berlaku kepada jiran dalam kehidupan seharian. Tulis juga cara kamu membantu jiran tersebut serta perasaan kamu selepas membantu jiran kamu.
  6. Setelah semuanya siap, letakkan kertas dan pensel di atas meja berdekatan dengan diorama rumah supaya kumpulan lain yang akan datang membuat lawatan boleh memberikan komen atau pengukuhan berkaitan hasil kerja.
  7. Ahli kumpulan asal juga akan berpecah untuk melihat diorama kumpulan lain yang telah siap.
  8. Setelah kembali semula kepada kumpulan asal, ceritakan atau laporkan pembelajaran yang diperolehi.
  9. Guru akan membuat rumusan dan penilaian berdasarkan hasil kerja murid.

### Gambar Contoh



SP 2.5 TP 6